

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[ PASIR MAS ]**

**TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menaik taraf mini Stadium Pasir Mas sebagai satu lokasi alternatif untuk persediaan penganjuran SUKMA 2024 bertempat di negeri Kelantan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan masih belum memuktamadkan lagi penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) bagi tahun 2022 dan 2024. Namun begitu, Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia yang telah bersidang pada 20 Februari 2020 lalu secara sebulat suara bersetuju untuk memberi laluan kepada Negeri Kelantan menganjurkan temasya SUKMA pada tahun 2024. Penghormatan ini diberikan memandangkan Negeri Kelantan masih belum pernah menjadi tuan rumah SUKMA sejak pertama kali penganjurannya pada tahun 1986 dan dibuka kepada negeri-negeri untuk dianjurkan bermula tahun 1990.

2. Kerajaan negeri Kelantan telah mengenal pasti sebuah kawasan seluas 260 ekar untuk dibangunkan sebagai Kelantan Sports City yang juga berkait rapat dengan persediaan Kelantan sebagai penganjur Sukan

Malaysia 2024 nanti. Memandangkan Negeri Kelantan mempunyai tempoh yang panjang iaitu tempoh empat (4) hingga lima tahun (5) lagi bagi persediaan penganjuran SUKMA 2024, Kementerian sedang mengadakan perbincangan lanjut bersama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri serta Kerajaan Negeri Kelantan dalam merangka pelan perancangan infrastruktur kemudahan sukan berdasarkan kepada jenis-jenis sukan yang akan ditawarkan untuk penganjuran oleh Negeri Kelantan nanti.

3. Pihak Kementerian juga telah menerima permohonan daripada Yang Berhormat Pasir Mas berkaitan cadangan menaik taraf Mini Stadium Pasir Mas melalui surat bertarikh 3 Jun 2020 dan secara dasarnya sedang meneliti permohonan tersebut bagi diselaraskan dengan perancangan yang sedang dilakukan dengan Kerajaan Negeri. Lawatan kerja akan turut diadakan untuk melihat dengan lebih dekat keadaan stadium dan skop naik tarafnya yang perlu dilakukan. Kos naik taraf tersebut akan dimajukan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan dan tindakan selanjutnya.

4. Manakala, permohonan menjadikan Mini Stadium Pasir Mas sebagai alternatif untuk venue SUKMA 2024 akan diusulkan kepada Kerajaan Negeri. Kementerian melalui MSN akan membantu dalam memberikan khidmat nasihat yang melibatkan spesifikasi stadium tersebut mengikut piawaian dan kesesuaian yang ditetapkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan sebagai venue pertandingan SUKMA 2024 nanti.

Sekian, terima kasih.